

KEMPEN MENANGI PENGALAMAN K-DREAM KE SEOUL DAN GANJARAN JAMINAN TUNAI RM50 APABILA ANDA MOHON DAN SIMPAN

Dikemas kini: 23 Oktober 2023

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Menangi Pengalaman K-Dream ke Seoul dan Ganjaran Jaminan Tunai RM50 Apabila Anda Mohon dan Simpan” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif disebut “**Bank**”) bermula pada **01 November 2023** dan berakhir pada **31 Mac 2024**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma & syarat Kempen (“**T&Cs**”) adalah seperti berikut

KELAYAKAN

1. Akaun sertaan/akaun sertaan-i (“**Akaun Sertaan**”) bagi Kempen ini adalah:
 - (a) Akaun Pay&Save/Akaun Pay&Save-i; dan
 - (b) Akaun Junior 3 dalam 1/ Akaun Junior 3 dalam 1-i.
2. Kempen ini terbuka kepada individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang tidak mempunyai Akaun Sertaan dengan Bank sebelum Tempoh Kempen (“**Pelanggan Layak**”).
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufis (menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga atau bakal dikenakan prosiding kemufisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen) **TIDAK** layak menyertai Kempen.

KAEDAH KEMPEN

PROMOSI A: MENANGI PENGALAMAN K-DREAM KE SEOUL (“PROMOSI A”)

4. Pelanggan yang membuka Akaun Sertaan semasa Tempoh Kempen dan mengekalkan Baki Akhir Bulan (“**MEB**”) minimum **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** semasa bulan pembukaan Akaun Sertaan akan dimasukkan secara automatik ke dalam himpunan pemilihan pemenang hadiah bulanan (“**Hadiah**”) (“**Pelanggan Layak Promosi A**”).
5. **Hanya Pelanggan Layak Promosi A yang berusia 18 tahun ke atas** layak berada dalam himpunan pemilihan Pemenang Hadiah.
6. Pelanggan Layak Promosi A **hanya layak menerima maksimum satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.**
7. Senario kelayakan tempoh pembukaan akaun dan pengekal MEB ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

| Senario | Tarikh Pembukaan Akaun | Akaun Sertaan | Perihal | Kelayakan |
|---------|------------------------|-------------------|--|-----------|
| A | 30 November 2023 | Akaun Pay&save | <ul style="list-style-type: none"> • Deposit permulaan RM3,500 pada 30 November 2023 • Mengekalkan MEB berikut: <ul style="list-style-type: none"> o 30 November 2023: RM3,500 | Ya |
| B | 1 Januari 2024 | Akaun Pay&Save -i | <ul style="list-style-type: none"> • Deposit permulaan RM500. • Mengekalkan MEB berikut: <ul style="list-style-type: none"> o 31 Januari 2024: RM2,500 | Tidak |

PROMOSI B: GANJARAN JAMINAN TUNAI RM50 (“PROMOSI B”)

8. Untuk menyertai Kempen ini dan melayakkan diri menerima Ganjaran, pelanggan **MESTILAH memenuhi Kriteria Kelayakan No. 1 dan Kriteria Kelayakan No. 2** seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah semasa Tempoh Kempen (“Pelanggan Layak Promosi B”):
- 9.

Jadual 2

| No | Kriteria Kelayakan | Ganjaran |
|----|--|--|
| 1. | Membuka Akaun Sertaan dengan Bank semasa Tempoh Kempen. | Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) (“Ganjaran”) |
| 2. | Mengekalkan Baki Akhir Bulan (“MEB”) minimum Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) selama tiga (3) bulan berturut-turut, termasuk bulan pembukaan Akaun Sertaan. | |

Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak dibolehkan menyertai kedua-dua Promosi A dan Promosi B semasa Tempoh Kempen.

10. Pelanggan Layak Promosi B hanya layak menerima **maksimum satu (1) Ganjaran sepanjang Tempoh Kempen**. Sekiranya Pelanggan Layak Promosi B mempunyai lebih Akaun Sertaan yang layak menerima Ganjaran, hanya Akaun Sertaan pertama yang memenuhi Kriteria Kelayakan No. 1 dan Kriteria Kelayakan No. 2 dalam Klausa 8 di atas akan diberi ganjaran.

Senario kelayakan tempoh pembukaan akaun dan pengekal MEB ditunjukkan seperti berikut:

Jadual 3

| Senario | Tarikh Pembukaan Akaun | Akaun Sertaan | Butiran | Kelayakan | Keterangan |
|---------|------------------------|----------------|---|-----------|-------------------|
| A | 20 November 2023 | Akaun Pay&Save | <ul style="list-style-type: none"> • Deposit permulaan RM3,000 pada 20 November 2023 • Mengekalkan MEB berikut: <ul style="list-style-type: none"> o 30 November 2023: RM3,000 o 31 Disember 2023: RM3,000 o 31 Januari 2024: RM3,000 | Ya | Memenuhi kriteria |

| | | | | | |
|---|-----------------|------------------------|---|-------|--|
| B | 15 Januari 2024 | Akaun Junior 3 dalam 1 | <ul style="list-style-type: none"> • Deposit permulaan RM3,500 pada 30 Januari 2024 • Mengekalkan MEB berikut: <ul style="list-style-type: none"> ○ 31 Januari 2024: RM3,500 ○ 29 Februari 2024: RM1,000 ○ 31 Mac 2024: RM5,000 | Tidak | MEB 29 Februari 2024 tidak memenuhi kriteria |
| C | 2 Mac 2024 | Akaun Pay&Save-i | <ul style="list-style-type: none"> • Deposit permulaan RM50 pada 16 Mac 2024 • Mengekalkan MEB berikut: <ul style="list-style-type: none"> ○ 31 Mac 2024: RM3,000 ○ 30 April 2024: RM3,500 ○ 31 Mei 2024: RM5,500 | Ya | Memenuhi kriteria |

PEMENANG HADIAH DAN PEMENUHAN SYARAT KEMPEN

PROMOSI A: MENANGI PENGALAMAN K-DREAM KE SEOUL (“PROMOSI A”)

11. Pelanggan Layak Promosi A yang memenuhi kriteria seperti tersebut di bawah Klausa 4 dan 5 akan berpeluang memenangi Hadiah seperti tertera dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4

| Hadiah | Bil. Pemenang (#) |
|--|--------------------------|
| <p>Melancong 4H3M ke Seoul, Korea Selatan untuk dua (2) orang bernilai tidak lebih RM10,000.00 meliputi:</p> <p>(i) Tiket penerbangan ekonomi pergi balik untuk dua (2) orang</p> <p>(ii) Penginapan 3 malam di hotel</p> <p>(iii) Khidmat angkut lapangan terbang di Seoul saja</p> | 5 |

12. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:
- Pada akhir setiap bulan bermula dari Disember 2023, setiap penyertaan akan diberi satu nombor rawak dan diletakkan dalam himpunan pemilihan Hadiah.
 - Lima puluh (50) nombor kemudiannya akan dipilih secara rawak daripada himpunan pemilihan Hadiah (“**Pelanggan Saringan Promosi A**”).
 - Pelanggan Saringan Promosi A akan dihubungi Bank melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) dan diberikan soalan berkaitan Bank dan/atau Kempen. Pelanggan Saringan Promosi A dikehendaki menjawab SMS itu dengan memberi jawapan betul dalam masa terpantas.
 - Pelanggan Saringan Promosi A pertama yang memberikan jawapan betul (dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam SMS itu) akan berhak menerima Hadiah (“**Pemenang**”). Pelanggan Saringan Promosi A akan menanggung caj telekomunikasi standard yang dikenakan ke atas setiap SMS yang dihantar kepada Bank.
 - Seandainya berlaku seri, iaitu apabila lebih daripada satu (1) Pelanggan Saringan Promosi A dapat menjawab dengan betul pada masa yang sama akan menjadi Pemenang jika tidak berlaku seri, maka Pelanggan Saringan Promosi A yang mempunyai jumlah baki MEB tertinggi dalam sistem Bank setakat akhir setiap bulan akan menjadi Pemenang.
 - Bagi mengelakkan keraguan, SMS yang dihantar kepada Pelanggan Saringan Promosi A akan berpandukan nombor telefon bimbit terkini sepertimana terakam dalam sistem dan/atau rekod Bank. Perkhidmatan SMS bagi Promosi A disediakan oleh Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (898379-U), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank (“**Infobip**”).

13. Pemenang akan diumumkan menerusi laman web Bank di www.hlb.com.my dan/atau www.hlisb.com.my ("**Laman Web Bank**") dan akan dimaklumkan menerusi emel dan/atau SMS tentang butiran perincian berkait dengan syarat pemenuhan Hadiah dalam masa enam puluh (60) hari bekerja dari tarikh pengumuman Pemenang bulanan.
14. Dengan menyertai Promosi A, Pelanggan Layak Promosi A bersetuju iaitu maklumat peribadi termasuk nama dan **empat (4)** digit terakhir nombor Kad Pengenalan atau pasport mereka boleh digunakan untuk tujuan Promosi A termasuk menyiarkan senarai Pemenang di Laman Web Bank atau Laman Web Kempen.
15. Pemenang berkewajipan untuk menyediakan butiran perhubungan terkini dan sahih serta alamat emel kepada Bank dalam Tempoh Kempen. Bank tidak akan bertanggungjawab dan berhak membatalkan penyertaan Pemenang dan sebaliknya memberikan Hadiah itu kepada Pelanggan Saringan Promosi A kedua terpuantas yang telah menjawab dengan betul jika Bank tidak dapat menghubungi Pemenang atas apa jua sebab sekalipun. Pemenang yang tidak dapat dihubungi itu tidak boleh membuat tuntutan terhadap Bank atas pembatalan dan perlucutan hak itu.
16. Akaun Sertaan Pemenang **MESTILAH** kekal sah/aktif dan berkedudukan baik sebelum tarikh pengkreditan dan Pemenang hendaklah tidak melanggar mana-mana T&Cs Kempen ini, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma & Syarat Akaun Sertaan (secara kolektif disebut "**Terma & Syarat Berkenaan**"), jika tidak Pemenang akan secara automatik terlucah kelayakan menyertai Promosi A.
17. Pemenang hendaklah berurusan secara terus dengan **Chan Brothers (PK) Travel Agency Sdn Bhd** selaku pembekal sah melalui no. tel. **03-21611168** dan emel kepada karen@cbtkl.com.my dan/atau yap@cbtkl.com.my tentang segala hal berkait dengan maklumat Hadiah, syarat pemenuhan, pembayaran, penyerahan, tuntutan dan waranti. Pihak Bank tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk mengganti sebarang item hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja di pihak pembuat/pengilang di bawah waranti atau sebaliknya). Pemenang dengan perbelanjaan dan tanggungan sendiri hendaklah berurusan terus dengan pihak pembekal jika ada aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan dengan item tanpa bantuan Bank.
18. Melainkan diperuntukkan secara khusus di bawah T&Cs ini, Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya dari segi mendapatkan segala dokumen perjalanan, permit, visa (jika berkenaan) dan menguruskan segala yang perlu untuk membolehkan Pemenang dan rakan pengiring Pemenang melancong ke Seoul, Korea Selatan ("**Urusan Keperluan**"). Segala kos dan perbelanjaan berkaitan dengan Urusan Keperluan hendaklah ditanggung oleh Pemenang dan rakan pengiring Pemenang.
19. Pihak Bank tidak akan membuat sebarang penggantian bagi Hadiah jika Pemenang dan/atau rakan pengiringnya gagal menyelesaikan Urusan Keperluan itu.
20. Jika sekiranya pihak Bank mengadakan majlis penyampaian Hadiah, maka Pemenang yang terpilih akan dikehendaki hadir atas perbelanjaan dan tanggungan sendiri untuk mengambil Hadiah. Sekiranya Pemenang tidak dapat menghadiri majlis penyampaian Hadiah, Pemenang bolehlah melantik seorang wakil untuk hadir di majlis penyampaian Hadiah untuk menerima Hadiah bagi pihak dirinya. Wakil tersebut akan dikehendaki menyerahkan surat kuasa bertulis daripada Pemenang berserta dengan salinan Kad Pengenalan Pemenang (depan belakang).
21. Pihak Bank berhak mengganti Hadiah dengan pakej perjalanan lain yang sama nilainya pada bila-bila masa, jika Hadiah berkenaan tidak dapat disediakan oleh kerana hal-hal di luar jangkauan, setelah terlebih dahulu memberi notis bertulis.
22. Visual Hadiah seperti ditunjukkan dalam Laman Web Bank atau sebarang bahan promosi rasmi bagi Kempen ini hanyalah sebagai contoh sahaja.
23. Risiko menebus Hadiah terletak kepada Pemenang. Segala kos dan perbelanjaan menebus Hadiah akan ditanggung oleh Pemenang, termasuk tetapi tidak terhad kepada insurans perjalanan, visa, bas ulang-alik, cukai lapangan, cukai perkhidmatan, surcaj, fi *levi* berlepas, caj bagasi berlebihan, tip, dan sebagainya.
24. Pemenang hendaklah memikul tanggungjawab sepenuhnya atas sebarang liabiliti, kemalangan kecil,

kecederaan, kerosakan, tuntutan atau nahas (termasuk kematian) terbit daripada penyertaan mereka dalam Promosi A, penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan membebaskan Bank daripada sebarang liabiliti.

25. Segala kos pengangkutan, penginapan, peribadi dan/atau sebarang kos lain, fi dan/atau perbelanjaan berkaitan yang ditanggung berkait dengan penyertaan Promosi A dan/atau penebusan Hadiah adalah atas tanggungjawab Pemenang sepenuhnya.
26. Pihak Bank berhak menggunakan nama dan/atau gambar Pemenang sebagai tujuan publisiti, tanpa memberi notis awal kepada Pemenang. Pemenang tidak berhak menuntut hak milik atau apa-apa bentuk pampasan lain bagi bahan-bahan itu.
27. Hadiah tidak boleh ditukar atau dipindah milik. Individu yang pergi melancong itu mestilah Pemenang yang sama daripada Promosi A. Sekiranya Pemenang memilih untuk enggan menerima Hadiah setelah dimaklumkan oleh Bank apabila dikehendaki berbuat demikian akan dianggap penolakan oleh Pemenang itu dan sebarang penggantian atau penukaran Hadiah tidak akan dilayan dan Bank berhak untuk memberi Hadiah itu kepada Pemenang yang lain. Apa-apa permohonan pembatalan dan/atau bayaran balik setelah penempahan Hadiah itu dibuat tidak dibenarkan sama sekali.

PROMOSI B: GANJARAN JAMINAN TUNAI RM50 (“PROMOSI B”)

28. Ganjaran akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertain Pelanggan Layak Promosi B berpandukan Tarikh Pengkreditan seperti tertera dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5

| No. | Tarikh Pembukaan Akaun Akaun Sertain | MEB (3 bulan berturut-turut) | Tarikh Pengkreditan |
|-----|--------------------------------------|---|--------------------------|
| 1. | 1 November 2023 – 30 November 2023 | <ul style="list-style-type: none"> • 30 November 2023 • 31 Disember 2023 • 31 Januari 2024 | Sebelum 29 Februari 2024 |
| 2. | 1 Disember 2023 – 31 Disember 2023 | <ul style="list-style-type: none"> • 31 Disember 2023 • 31 Januari 2024 • 29 Februari 2024 | Sebelum 31 Mac 2024 |
| 3. | 1 Januari 2024 – 31 Januari 2024 | <ul style="list-style-type: none"> • 31 Januari 2024 • 29 Februari 2024 • 31 Mac 2024 | Sebelum 30 April 2024 |
| 4. | 1 Februari 2024 – 29 Februari 2024 | <ul style="list-style-type: none"> • 29 Februari 2024 • 31 Mac 2024 • 30 April 2024 | Sebelum 31 Mei 2024 |
| 5. | 1 Mac 2024 – 31 Mac 2024 | <ul style="list-style-type: none"> • 31 Mac 2024 • 30 April 2024 • 31 Mei 2024 | Sebelum 30 Jun 2024 |

29. Bagi mengelakkan keraguan, untuk menerima Ganjaran, Akaun Sertain Pelanggan Layak Promosi B **MESTILAH** kekal sah/aktif dan dalam kedudukan yang baik sebelum Tarikh Pengkreditan dan Pelanggan Layak Promosi B mestilah tidak melanggar mana-mana T&Cs Kempen ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma & Syarat Akaun Sertain, Terma & Syarat Kad Debit/Kad Debit-i dan Terma & Syarat Penggunaan HLB Connect (secara kolektif disebut “**Terma dan Syarat Berkenaan**”), jika gagal berbuat demikian Pelanggan Layak Promosi B secara automatik terluca haknya menyertai Kempen ini.
30. Rekod pengkreditan Ganjaran akan dipaparkan dalam e-penyata bulanan Akaun Sertain Pelanggan Layak Promosi B.

31. Pelanggan Layak Promosi B akan **DIBERITAHU** jika mereka berhak menerima Ganjaran menerusi paparan pemberitahuan Connect App yang akan dihantar kepada Pelanggan Layak Promosi B pada Tarikh Pengkreditan. Pelanggan Layak Promosi B yang tidak menerima pemberitahuan tersebut dianggap tidak layak menerima Ganjaran itu.

UMUM

32. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak:
- (a) mengesahkan telah membaca, memahami, dan bersetuju mematuhi Terma dan Syarat Berkenaan;
 - (b) bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah tepat dan muktamad serta mengikat ke atas semua Pelanggan Layak;
 - (c) bersetuju untuk mengakses www.hlb.com.my dan/atau www.hlisb.com.my ("**Laman Web Bank**") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
 - (d) bersetuju Ganjaran tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan; dan
 - (e) bersetuju bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
33. Bank berhak:
- (a) setelah memberi notis awal kepada Pelanggan Layak, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs yang dinyatakan di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menamatkan Kempen, dengan cara menyiarkan penambahan, pengguguran, penggantungan atau pemindaan T&Cs tersebut atau penamatan Kempen ini dalam Laman Web Bank;
 - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang:
 - (i) pada masa lalu melakukan, atau ketika ini disyaki melakukan penipuan, perbuatan menyalahi undang-undang dan kesalahan berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh Bank;
 - (ii) bakal menghadapi prosiding kemuffisan, atau telah diisytiharkan mufliis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat Berkenaan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - (c) melupuskan dan menarik balik apa-apa Ganjaran yang dibayar dan mengembalikannya kepada kumpulan dana peruntukan sekiranya didapati berlaku penipuan, atau ketidakpatuhan terhadap mana-mana T&Cs Kempen ini.
34. Selain T&Cs yang dinyatakan di dalam ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca bersama-sama T&Cs ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat percanggahan maka T&Cs di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
35. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&Cs yang dinyatakan di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka T&Cs muktamad seperti tersiar dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.
36. T&Cs Kempen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
37. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk-produk Deposit-i adalah akaun deposit berlandaskan kontrak Syariah iaitu Tawarruq.

Ahli PIDM. Produk-produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk-produk Deposit Layak Mendapat Perlindungan PIDM](#)).

Jika anda mempunyai apa-apa kemusykilan mengenai Terma & Syarat ini, sila utus emel kepada kami melalui